

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA  
PEMBUKAAN RASMI KILANG KELAPA SAWIT  
PERBADANAN LADANG-LADANG TABUNG  
HAJI DI KERATONG, PAHANG PADA 8HB  
NOVEMBER, 1975

Y.B. Datuk Mohd Asri bin Haji Muda, Menteri Tanah, Galian dan Tugas-tugas Khas, Y.B. Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Mohd Isa, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berbahagia Datuk Hussein Nordin<sup>1</sup>, Dif-dif yang terhormat, Saudara-saudara sekalian.

Saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T. atas limpah rahmat dan keizinanNya, dapat kita pada pagi ini hadir bersama-sama dalam upacara yang gemilang serta bersejarah ini.

Sukalah saya mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua anggota dan Ahli Lembaga Urusan dan Tabung Haji atas kejayaan yang dicapai dalam usaha melibatkan Lembaga ini dalam kegiatan ekonomi negara.

Saya berdoa ke hadrat Allah S.W.T. agar direstuiunya segala usaha yang sedang dilakukan bagi meninggikan taraf hidup umat Islam di negara ini. Kita yakin dan percaya iaitu dengan adanya usaha-usaha jujur ini, matlamat kita untuk mencapai keadaan hidup yang lebih baik akan berhasil.

Saudara-saudara sekalian,

Sebagai salah seorang dari ahli yang menyimpan wang di Tabung Haji ini, sudah tentulah saya rasa bangga sekali melihat Projek Kilang Kelapa Sawit dan Ladang ini, telah menjadi satu kenyataan. Saya percaya perasaan bangga ini juga sama-sama dirasakan oleh sekalian ahli-ahli yang menyimpan wang di Tabung Haji ini.

Projek yang telah menelan belanja lebih dari \$12 juta ini adalah hakmilik bersama lebih kurang 250,000 ahli-ahli. Dengan terdirlinya usaha ini maka terbuktiilah iaitu umat Islam di Malaysia kita boleh dengan secara aktif mengambil bahagian dalam kehidupan ekonomi negara ini.

---

<sup>1</sup> Pengerusi Lembaga Pengarah Urusan dan Tabung Haji.

Tujuan kita mendirikan Tabung Haji dahulu adalah khususnya untuk menjaga keadaan ekonomi orang-orang Islam di negara ini supaya mereka tidak menjadi mangsa kepada kumpulan-kumpulan yang tertentu, terutamanya mereka yang berhajat untuk ke Mekah menunaikan fardhu haji. Dahulu telah menjadi-jadi amalan-amalan seperti menggadai tanah, jualjanji, jual saham dan lain-lain yang telah menyebabkan keruntuhan ekonomi penduduk-penduduk luar bandar.

Tetapi, syukur Alhamdulillah, kita kepada Tuhan yang Maha Esa dan Maha Berkuasa, bahawa keadaan ekonomi penduduk luar bandar telah berubah kepada keadaan yang lebih baik berkat dari usaha-usaha suci yang telah kita lakukan. Saya berharap kita akan terus menjalankan usaha-usaha ini supaya dengan jalan yang demikian dapatlah kita tegakkan kembali ekonomi yang kukuh di kalangan masyarakat Islam di negara kita.

Saudara-saudara sekalian,

Di sini suka saya mengucapkan tahniah kepada Lembaga kerana segala perbelanjaan yang terlibat dalam usaha ini adalah datangnya dari ahli-ahli sendiri, iaitu wang simpanan mereka di dalam Tabung ini. Dengan ini bermakna Lembaga ini tidaklah semata-mata mengharapkan kepada kerajaan sahaja sebagai punca mendapatkan kewangan bagi membiayai mana-mana jua projek. Lain-lain badan berkanun haruslah mencontohi Tabung Haji dalam soal kewangan ini iaitu janganlah semata-mata mengharapkan kepada kerajaan sahaja.

Saudara-saudara sekalian,

Seperti yang kita semua sedia maklum, kedudukan keselamatan serta kewangan negara masih lagi memerlukan perhatian yang sepenuhnya dan dalam usaha kita menjimatkan segala perbelanjaan, maka badan-badan berkanun juga mestilah dapat memainkan peranan iaitu dengan tidak melibatkan wang negara lebih dari yang diperlukan.

Mereka harus berdikari dalam masalah ini. Tetapi, walaupun demikian, tidaklah semestinya terjejas segala rancangan badan-badan tersebut dalam konteks melaksanakan Dasar Ekonomi Baru Negara.

Apa yang harus dilakukan ialah dengan menghadkan perbelanjaan berulang dengan dikurangkan mana-mana perbelanjaan yang berbentuk "services" kerana kerja-kerja ini dapat dilakukan oleh anggota-anggota badan-badan tersebut sendiri. Segala perbelanjaan yang difikirkan tidak membawa apa-apa "return" sama sekali mestilah dihentikan.

Saya yakin dengan cara begini, bukan sahaja kedudukan negara bertambah kukuh bahkan ini adalah satu amalan yang dapat membantu badan-badan tersebut menyediakan lebih banyak rancangan lagi.

Saudara-saudara sekalian,

Saya adalah diberi tahu iaitu dalam menjalankan usaha-usaha menjayakan rancangan-rancangan ini, pihak badan-badan berkanun telah tidak melibatkan kaum Bumiputra dalam usaha-usaha ini, iaitu kerja-kerja telah ditawarkan dengan secara terbuka hingga menutup peluang kepada pengusaha-pengusaha Bumiputra yang baru hendak meningkat dari memperoleh tawaran-tawaran ini.

Saya harap badan-badan berkanun akan mengkaji semula perkara ini supaya biarlah usaha yang baik ini dapat diusahakan bersama oleh mereka yang perlukan kepada bantuan dan pertolongan. Penglibatan mereka ini dalam menjayakan usaha-usaha tersebut akan mempercepatkan lagi proses mencapai tujuan dan matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Sebagai permulaan saya harap Lembaga Urusan dan Tabung Haji dapat merintis jalan dengan memberikan lebih banyak kontrak-kontrak kepada pemborong-pemborong Bumiputra, serta juga syarikat-syarikat perkongsian Bumiputra. Pengalaman dalam menjalankan kerja-kerja ini dapat membantu mereka mencapai kejayaan dalam bidang-bidang perusahaan dan pemborongan.

Saudara-saudara sekalian,

Saya perhatikan daripada ucapan Dato' Haji Hussein Nordin tadi, adalah menjadi matlamat Lembaga Urusan dan Tabung Haji mempelbagaikan pelaburannya supaya penyimpan-pemsimpan akan dapat menikmati lebih banyak keuntungan dan juga dengan demikian dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada bakal-bakal haji.

Kerajaan sedang membuat pindaan terhadap undang-undang tubuh Tabung Haji bagi membolehkan Badan-badan atau Pertubuhan-pertubuhan Islam seperti Majlis-majlis Ugama Islam Negeri menyimpan wang mereka dalam Tabung Haji. Apabila pindaan undang-undang ini diluluskan oleh Parlimen kelak, saya harap semua badan-badan Islam akan menyimpan wang mereka di Tabung Haji. Dan Tabung Haji pula menolong Badan-badan ini melaburkan wang mereka dengan menggunakan khidmat percuma Jawatankuasa Penasihat Kewangan LUTH yang saya tahu terdiri daripada pakar-pakar dalam bidang Ekonomi dan Pelaburan.

Dalam ertikata yang lain, selain dari Badan-badan Islam ini menyimpan wang mereka di Tabung Haji, Tabung Haji juga hendaklah melalui khidmat Jawatankuasa Penasihat Kewangannya, menolong melaburkan wang mereka. Ini saya percaya akan dapat memberi banyak pertolongan kepada Jabatan-jabatan Ugama Islam Negeri yang kini tidak mempunyai satu Badan Khas untuk menasihati mereka cara-cara mengguna dan melaburkan wang kepunyaan mereka mengikut lunas dan dasar Ugama Islam.

Cadangan supaya mulai tahun 1976 orang-orang haji dapat mengeluarkan wang simpanan mereka di Mekah itu sangatlah elok. Dengan peraturan ini masalah bakal haji kita mengalami kekurangan atau kehilangan wang dan sebagainya akan dapat diatasi. Oleh itu saya harap cadangan ini dapat dilaksanakan dengan teratur dan berkesan.

Saudara-saudara sekalian,

Penubuhan satu Badan seperti Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini adalah langkah yang pertama kali dijalankan untuk mendorong umat Islam mengambil bahagian dalam kegiatan pembangunan dengan memperbaiki keadaan ekonomi rakyat dan disamping itu menolong sebilangan besar daripada mereka menyimpan wang untuk mengerjakan Rukun Islam Yang Kelima di Tanah Suci.

Oleh hal yang demikian, peranan yang dimainkan oleh Lembaga ini amatlah mustahak terutama bagi meyakinkan umat Islam bahawa pelaburan yang dijalankan sama ada dalam rancangan pertanian, perindustrian atau perniagaan adalah diselenggarakan

sejajar dengan semangat dan hukum-hukum Islam. Projek Kelapa Sawit ini membuktikan kehendak-kehendak tersebut yang akan memberi nikmat dan faedah kemajuan ekonomi dengan cara yang halal.

Saudara-saudara sekalian,

Dengan ini, dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Penyayang, saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan Kilang Kelapa Sawit Perbadanan Ladang-ladang Tabung Haji di Keratong ini dan berharap ia terus mencapai kejayaan.



Y.A.B. Tun Haji Abdul Razak bin Hussein sewaktu menemui kakitangan dan pekerja Kilang Kelapa Sawit Tabung Haji di Keratong, Pahang pada 8hb November, 1975